



GARIS PANDUAN

BAGI MENINGKATKAN
KESELAMATAN
TEMPAT DAN
KEMUDAHAN AWAM
DARIPADA ANCAMAN
PENGGANAS.



Tujuan	1
Latar Belakang	1
Tafsiran	3
Pemakaian Garis Panduan	4
Kumpulan/Sel/Individu Yang Berpotensi Memberikan Ancaman Keganasan	4
Kaedah Serangan Penganas	5
Tujuan Sasaran Penganas Ke Atas Tempat dan Kemudahan Awam	6
Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil Oleh Agensi Kerajaan	9
Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil Oleh Pihak Swasta	14
Tindakan-Tindakan Yang Perlu Diambil Oleh Orang Awam	19
Penutup	21
Lampiran 1	22



TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memberi panduan kepada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam mengenai langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan tempat dan kemudahan awam daripada ancaman penganas. Garis panduan ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam mewujudkan Prosedur Operasi Standard (*SOP*) atau Pelan Tindakan (*Plan of Action*) masing-masing dalam melindungi tempat dan kemudahan awam daripada serangan penganas.

LATARBELAKANG

2. Ancaman penganas khususnya daripada kumpulan penganas Daesh merupakan ancaman serius yang kini bukan sahaja dihadapi oleh negara-negara di Asia Barat, Eropah, Asia Tenggara, Kanada dan Amerika Syarikat tetapi juga dihadapi oleh Malaysia. Sifatnya yang kompleks, sukar diramal, sukar dikesan dan tidak mengenal sempadan, dirumitkan lagi dengan kecenderungan penganas untuk menyasarkan tempat dan kemudahan awam telah mendatangkan kebimbangan kepada pihak kerajaan untuk menangani ancaman tersebut dengan berkesan.



3. Ancaman keganasan ke atas Malaysia adalah nyata dan boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja dalam bentuk yang tidak dijangka khususnya yang menyasarkan tempat dan kemudahan awam contohnya insiden letupan bom ke atas kelab malam Movidia di Puchong, Selangor pada 28 Jun 2016. Meskipun letupan tersebut tidak memberikan impak yang serius, namun serangan terhadap tempat dan kemudahan awam mungkin akan berlaku lagi di masa hadapan termasuk dalam skala yang lebih besar atau serius.

4. Oleh yang demikian, semua pihak iaitu agensi kerajaan, swasta dan orang awam perlu memahami dan menyedari bentuk ancaman keganasan, melaksanakan langkah-langkah yang digariskan dalam garis panduan ini dan memberi kerjasama sepenuhnya dalam pelaksanaan garis panduan ini. Ini bagi memastikan ancaman pengganas di tempat dan kemudahan awam boleh dicegah, ditangani dan diuruskan dengan baik kerana keamanan yang dikecapi pada hari ini mungkin tidak akan berkekalan jika tiada langkah-langkah pencegahan yang berkesan



TAFSIRAN

“Agensi Kerajaan” merujuk kepada mana-mana kementerian, jabatan, pejabat, agensi, pihak berkuasa, suruhanjaya, jawatankuasa, lembaga atau majlis bagi Kerajaan Persekutuan, atau bagi mana-mana Kerajaan Negeri, yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya, mana-mana pihak berkuasa tempatan dan Pasukan Keselamatan.

“Orang Awam” merujuk kepada mana-mana orang samada rakyat Malaysia atau warganegara asing yang berada atau mengunjungi tempat dan kemudahan awam.

“Pihak Swasta” merujuk kepada pemilik atau penyewa atau operator tempat dan kemudahan awam atau penganjur acara di tempat dan kemudahan awam selain daripada agensi kerajaan.

“Tempat dan kemudahan awam” boleh ditafsirkan sebagai kawasan di premis atau bangunan tertentu yang menyediakan kemudahan kepada orang awam bagi mendapatkan keperluan asas, melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti ekonomi, sosial, keagamaan, hiburan, menyediakan sistem pengangkutan dan sebagainya serta boleh diakses dengan mudah dan tidak mempunyai kawalan keselamatan yang ketat. Senarai tempat dan kemudahan awam yang berpotensi menjadi sasaran serangan pengganas adalah seperti di Lampiran 1. Senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.



PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

5. Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta dan orang awam. Ketiga-tiga pihak ini mempunyai tanggungjawab tertentu dalam mencegah, menangani dan menguruskan ancaman keganasan di tempat dan kemudahan awam sepertimana yang diperuntukkan dalam Garis Panduan ini.

KUMPULAN/SEL/INDIVIDU YANG BERPOTENSI MEMBERIKAN ANCAMAN KEGANASAN

6. Kumpulan/sel/individu yang mampu mendatangkan ancaman keganasan di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) **Kumpulan Penganas Antarabangsa:** Ini merupakan kumpulan di bawah pemerintahan dan kawalan kumpulan penganas antarabangsa seperti Daesh yang berada di rantau ini. Kumpulan ini dikawal oleh kumpulan utama dan mendapat sokongan daripada elemen tempatan;

(ii) **Sel Ekstremis/Militan Tempatan:** Sel ini berjuang untuk menegakkan objektif organisasi masing-masing melalui tindakan keganasan. Ianya mungkin mempunyai afiliasi terus dengan kumpulan pengganas antarabangsa serta bertindak secara autonomus. Kumpulan ini boleh memberi sokongan kepada kumpulan pengganas antarabangsa atau kumpulan-kumpulan pengganas serantau yang lain sekiranya objektif mereka selari; dan

(iii) **Individu Yang Bertindak Berseorangan (Lone Wolf):** *Lone wolf* adalah satu fenomena di mana seseorang individu itu tidak dikawal atau dipengaruhi oleh mana-mana kumpulan pengganas atau militan. Mereka melakukan tindakan keganasan atas faktor motivasi serta inspirasi dan bukannya afiliasi.

KAEDAH SERANGAN PENGGANAS

7. Kaedah serangan yang mungkin digunakan oleh pengganas adalah berbentuk fizikal dan bukan fizikal. Kaedah serangan fizikal adalah seperti menggunakan bahan letupan seperti bom tangan (*hand grenade*) atau *Improvised Explosive Device (IED)*, memasang bom pada kenderaan, pengebom berani mati (*suicide bombers*), menggunakan bahan-bahan kawalan (*controlled items*) seperti bahan kimia, biologi, nuklear dan radioaktif sebagai senjata, menggunakan senjata api serta senjata merbahaya dan senjata tajam seperti pisau, parang, pedang serta *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)* dan menggunakan kenderaan untuk merempuh struktur bangunan atau orang ramai.

8. Selain serangan berbentuk fizikal, ancaman berbentuk bukan fizikal juga boleh berlaku seperti tindakan sabotaj, mencerooboh dan mengganggu sistem komunikasi dan maklumat kritikal negara (*hacking*) melalui alam siber serta membuat ancaman bom palsu untuk menimbulkan rasa cemas dan panik.

TUJUAN SASARAN PENGGANAS KE ATAS TEMPAT DAN KEMUDAHAN AWAM

9. Tempat dan kemudahan awam merupakan sasaran mudah (*soft target*) bagi pengganas. Kecenderungan pengganas untuk menyasarkan tempat dan kawasan tumpuan orang awam adalah berdasarkan faktor-faktor berikut:



- (i) Tempat dan kawasan tumpuan orang awam mempunyai kawalan keselamatan yang minimum atau tiada langsung kawalan keselamatan. Ini akan memudahkan pengganas untuk melancarkan serangan. Selain itu, tempat dan kawasan tumpuan awam juga lazimnya tidak mempunyai Prosedur Tetap Operasi atau Pelan Tindakan Kecemasan dan bergantung sepenuhnya kepada tindak balas oleh agensi keselamatan khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM);



- (ii) Jumlah orang yang ramai akan memberikan impak kecederaan, kematian dan kemusnahan serius dan berskala besar (*mass destruction*);
- (iii) Serangan di tempat yang sesak boleh memberi impak psikologi yang kuat terhadap mangsa dan masyarakat sekeliling;
- (iv) Tempat awam mudah diakses oleh sesiapa sahaja. Ini akan mengurangkan keperluan penganas untuk merangka perancangan serangan yang kompleks;

(v) Serangan terhadap tempat-tempat awam yang mempunyai nilai simbolik yang tinggi dari segi agama, politik, budaya serta identiti sesebuah negara atau kerajaan akan mencalarakan imej negara tersebut. Dengan demikian, tuntutan mereka mungkin akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan;



(vi) Serangan terhadap pusat-pusat komersil akan menyebabkan gangguan serius kepada ekonomi dan infrastruktur sekitar seperti rangkaian pengangkutan dan telekomunikasi serta meningkatkan prospek kemusnahan sumber ekonomi negara dalam jangka masa panjang; dan

(vii) Serangan di tempat awam yang mengakibatkan kemusnahan berskala besar akan menarik liputan media tempatan dan antarabangsa sekaligus memberi publisiti terhadap kemampuan penganas untuk mengganggu keamanan dan keselamatan sesebuah negara. Ia juga boleh menjejaskan imej negara di persada antarabangsa dan memberi tekanan politik kepada kerajaan jika mangsa serangan terdiri daripada warga negara asing.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL OLEH AGENSI KERAJAAN

10. Langkah-langkah keselamatan perlindungan yang perlu diambil oleh agensi kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap tempat dan kemudahan awam adalah berbeza mengikut lokasi dan bergantung kepada pelbagai faktor, antaranya seperti berikut:

- (i) Jenis bangunan termasuk keberadaan individu berprofil tinggi dalam bangunan/premis/kawasan tersebut;
- (ii) Sejarah/rekod insiden serangan atau gangguan di bangunan/premis/kawasan tersebut;
- (iii) Kewujudan tempat atau kemudahan awam berisiko tinggi berdekatan bangunan tersebut; dan
- (iv) Langkah-langkah keselamatan sedia ada bagi bangunan/premis/kawasan tersebut.

11. Semua Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, Kerajaan Tempatan dan Agensi Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) boleh mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan keselamatan perlindungan seperti berikut:



(i) Memasang dan menambah *Closed-Circuit Television (CCTV)* di semua bangunan/premis/tempat awam/kemudahan awam yang berada dalam kawalan agensi kerajaan;




(ii) Meningkatkan perlindungan keselamatan bangunan melalui tapisan keselamatan ke atas semua pegawai dan kakitangan, kawalan ke atas keluar masuk pelawat, pemantauan CCTV dan sebagainya. Tapisan keselamatan juga perlu dilakukan terhadap pekerja pembersihan, anggota pengawalan keselamatan dan pekerja penyelenggaraan bagi memastikan keselamatan sesebuah bangunan berada di tahap terbaik;



(iii) Memasang mesin pengimbas (*body scanner*) bagi mengimbas orang yang hendak memasuki bangunan/premis bagi mengelakkan kemasukan orang yang membawa peralatan merbahaya/senjata dalam bentuk logam dan bukan logam seperti cecair semburan, pisau seramik, aerosol, gas dan sebagainya ke dalam bangunan/premis;



(iv) Memasang *luggage scanner* bagi mengimbas benda/barang/bungkusan yang dihantar ke bangunan/premis bagi mengenalpasti samada benda/barang/bungkusan tersebut mengandungi kandungan yang mengancam keselamatan;



(v) Memasang 'retractable road barrier' bagi pejabat-pejabat awam yang kritikal untuk mengelakkan serangan-serangan berbentuk 'vehicular attacks' yang mustahil dihalang dengan palang atau manusia;



(vi) Memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi kerajaan menguatkuasakan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan mematuhi Garis Panduan Dasar Kawalan Keselamatan dan Kesihatan, Keselamatan Siber;



(vii) Menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) dalam menangani situasi kecemasan seperti kebakaran, ancaman bom, ancaman keganasan, ancaman siber dan sebagainya. Pelan ini hendaklah diuji dari masa ke semasa melalui drill, seminar, tabletop dan ekksesais melibatkan pegawai dan kakitangan serta agensi-agensi lain seperti PDRM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;



(viii) Memasang papan tanda peringatan dan amaran serta prosedur menyelamatkan diri/evakuasi di sekitar bangunan/premis/kawasan kemudahan awam sekiranya berlaku insiden keganasan;



(ix) Melaporkan kepada PDRM mengenai pekerja yang mempunyai kecenderungan menyokong atau terlibat dalam aktiviti keganasan;



(x) Memaparkan/ mempamerkan senarai, profil serta gambar-gambar individu yang dilarang memasuki mana-mana premis kerajaan di pintu-pintu masuk atau Balai Pengawal untuk kegunaan pengawal keselamatan di premis berkenaan;



(xi) Mengadakan program kesedaran secara berkala dengan PDRM seperti perkongsian statistik jenayah, isu-isu keselamatan semasa dan langkah pencegahan yang akan membolehkan penjawat awam melindungi diri mereka daripada jenayah;



(xiii) Mengadakan program dan aktiviti berkaitan kesedaran keselamatan dalam mesyuarat pengurusan jabatan sekiranya terdapat ancaman keselamatan di pejabat seperti Mesyuarat Pengurusan Tertinggi; dan



(xiv) Menamatkan perkhidmatan dan menyenaraihitamkan mana-mana pegawai, kakitangan, pembekal/pekerja kontrak atau pekerja sambilan yang mempunyai kecenderungan ke atas elemen keganasan daripada memasuki kawasan/bangunan agensi kerajaan/swasta.

12. Sebagai agensi utama yang bertanggungjawab memastikan keselamatan negara, PDRM perlu melaksanakan langkah-langkah berikut:



(i) Menyediakan khidmat nasihat berhubung keselamatan perlindungan kepada pemilik/penyewa/operator atau penganjur acara di sesuatu tempat atau kemudahan awam yang ingin mengadakan majlis/program berskala besar dan merangka strategi keselamatan perlindungan bagi menangani ancaman keganasan;



(ii) Menyalurkan maklumat berhubung dengan ancaman keganasan kepada pemilik/penyewa/operator atau penganjur acara dan berkomunikasi dari semasa ke semasa dengan mereka; dan



(iii) Menyelaras penyediaan pelan tindakan kecemasan dengan pemilik/penyewa/operator atau penganjur acara bagi menentukan bentuk tindak balas yang bersesuaian bagi menangani ancaman keganasan yang mungkin menyasarkan tempat atau kemudahan tersebut.

LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL OLEH PIHAK SWASTA

13. Langkah-langkah keselamatan perlindungan yang perlu diambil oleh pemilik/penyewa/operator tempat dan kemudahan awam atau penganjur acara di tempat dan kemudahan awam



(i) Nasihat dan taklimat keselamatan oleh pihak berkuasa;



(ii) Jenis bangunan termasuk keberadaan individu berprofil tinggi dalam bangunan tersebut;



(iii) Sejarah/ rekod insiden serangan atau gangguan di bangunan/kawasan tersebut;



(iv) Kewujudan tempat atau kemudahan awam berisiko tinggi berdekatan bangunan tersebut; dan



(v) Langkah-langkah keselamatan sedia ada bagi tempat tersebut.

14. Bagi mengurus krisis berikutan serangan pengganas, pihak swasta perlu mempunyai Pelan Tindakan Kecemasan yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Mengenalpasti potensi ancaman;
- (ii) Mengenalpasti apa yang perlu dilindungi;
- (iii) Mengenalpasti langkah-langkah bagi mengurangkan risiko ancaman keganasan; dan
- (iv) Mengenalpasti langkah-langkah bagi menguruskan ancaman keganasan sebelum, semasa dan selepas insiden.

15. Pihak swasta wajar melaksanakan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:



(i) Memasang CCTV di semua bangunan/premis yang berada dalam kawalan agensi swasta serta memantau CCTV tersebut secara berkala;



(ii) Memasang papan tanda peringatan dan amaran serta menetapkan prosedur menyelamatkan diri di sekitar bangunan atau kawasan yang selamat dan sesuai sekiranya berlaku insiden keganasan;



(iii) Memasang sistem pengesanan penceroboh elektronik;




(iv) Memeriksa kenderaan-kenderaan mencurigakan yang diletakkan di tempat letak kereta atau berhampiran bangunan dan menjalankan pemeriksaan secara rambang ke atas kenderaan yang keluar/masuk premis;



(v) Melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terkesan individu/kumpulan yang mencurigakan di kawasan bangunan/premis;



(vi) Mengesan bahan-bahan yang digunakan bagi tujuan keganasan melalui mesin pengimbas x-ray, pengesan logam dan bukan logam, pengesan bahan letupan dan pemeriksaan beg/bagasi; dan



(vii) Menyediakan kit-kit bantuan kecemasan asas dan "defibrillator" yang mudah diakses di lokasi-lokasi awam bagi membolehkan bantuan awal diberikan kepada mangsa-mangsa yang tercedera sekiranya berlaku serangan pengganas. Kit-kit ini hendaklah mudah dilihat, dicapai dan digunakan.

16. Pihak swasta juga boleh mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan keselamatan perlindungan seperti berikut:

- (i) Menjalinkan kerjasama erat dengan JBPM bagi penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan dan Latihan *Emergency Response Team (ERT)* serta pengungsian bangunan;
- (ii) Melaksanakan latihan amal bagi menguji tahap keselamatan, kesiagaan dan pelan tindakan kecemasan secara berkala;
- (iii) Menyertai latihan amal yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan mengharmonikan langkah-langkah pencegahan, tindakbalas dan pemulihan dengan tatacara dan pendekatan yang diguna pakai oleh agensi-agensi kerajaan;



- (iv) Berkongsi maklumat dan menjalinkan kerjasama erat dengan pihak berkuasa khususnya PDRM dan agensi-agensi lain;
- (v) Mewujudkan kesedaran keselamatan di setiap tempat dan kemudahan awam dengan meletakkan peringatan dalam bentuk papan tanda/iklan/hiasan dan siaraya. Peringatan tersebut hendaklah berkisar tentang keperluan orang awam melaporkan kepada pemilik premis/agensi bertanggungjawab sekiranya menjumpai apa-apa barang yang mencurigakan. Papan tanda/iklan/hiasan dan siaraya perlulah dilengkapi dengan nombor telefon pemilik premis/agensi bertanggungjawab;
- (vi) Mewujudkan Pelan Kesenambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan*) bagi memastikan aktiviti atau operasi pihak swasta tidak terjejas jika berlaku serangan penganas; dan
- (vii) Mewujudkan tempat berkumpul (*Assembly Point*).

TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH ORANG AWAM

17. Kawalan keselamatan di tempat dan kemudahan awam sememangnya menjadi tanggungjawab pemilik tempat tersebut sama ada oleh agensi kerajaan persekutuan, negeri, swasta dan juga pihak berkuasa tempatan. Namun demikian, orang awam juga boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan impak ancaman penganas. Antara tindakan yang boleh dilakukan oleh orang awam ialah:



(i) **Peka** - Sentiasa peka dan berhati-hati dengan persekitaran jika terdapat aktiviti-aktiviti yang luar biasa dan mencurigakan yang boleh menjejaskan keselamatan. Contoh perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:-

- beg yang ditinggalkan tanpa pengawasan di tempat awam;
- orang yang memeriksa atau meninjau sesuatu tempat atau bangunan;
- orang yang cuba memasuki kawasan selamat yang tidak sepatutnya dimasuki;
- orang yang memakai terlalu banyak pakaian; dan
- orang yang berkelakuan pelik.



(ii) **Keluar** - Segera keluar atau tinggalkan tempat yang disyaki berlaku sesuatu seperti serangan, letupan, rempuhan oleh kenderaan, keadaan huru hara atau bunyi tembakan senjata api;



(iii) **Selindung** - sekiranya tiada tempat untuk melarikan diri, dapatkan perlindungan sementara di tempat yang selamat. Telefon perlu diletakkan dalam mod senyap; dan



(iv) **Maklum** - segera melaporkan tingkah laku yang pelik, barang/bungkusan yang mencurigakan atau tanpa pengawasan dan peranti pelik kepada PDRM. Sekiranya berjaya keluar dari kawasan atau tempat insiden serangan pengganas, maklumkan segera kepada PDRM dengan menggunakan talian *Malaysian Emergency Response Services (MERS)* 999.

18. Selain itu, orang awam juga dinasihatkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Jangan menerima objek/bungkusan daripada orang yang tidak dikenali;

(ii) Jangan membiarkan bagasi tanpa pengawasan; dan

(iii) Tahu di mana tempat kecemasan atau tempat berkumpul di setiap tempat dan kemudahan awam yang dilawati.



19. Sekiranya terdapat objek mencurigakan yang ditinggalkan di tempat awam, tindakan yang perlu dilakukan oleh orang awam ialah:

- (i) Jangan sentuh objek tersebut;
- (ii) Jauhkan diri daripada objek tersebut;
- (iii) Beritahu orang sekeliling bahawa objek tersebut dicurigai kandungannya; dan
- (iv) Laporkan segera kepada pihak berkuasa.

PENUTUP

20. Garis panduan ini diharap dapat membantu agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam dalam melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan tempat dan kemudahan awam daripada ancaman pengganas. Kejayaan pelaksanaan langkah-langkah tersebut akan memastikan negara dan seluruh rakyat Malaysia kekal selamat dan bebas daripada sebarang ancaman pengganas.

(LAMPIRAN 1)

SENARAI TEMPAT DAN KEMUDAHAN AWAM YANG BERPOTENSI MENJADI SASARAN SERANGAN PENGGANAS

Tempat dan kemudahan orang awam yang berpotensi menjadi sasaran serangan pengganas lazimnya merupakan tempat yang mudah diakses oleh orang ramai seperti berikut:



1. Tempat-tempat signifikan yang simbolik kepada negara seperti pusat pentadbiran kerajaan, tugu peringatan dan bangunan ikonik;
2. Rumah ibadat seperti masjid, gereja, kuil, tokong dan sebagainya;
3. Lokasi tumpuan awam serta pelancong asing seperti di lapangan terbang, stesen bas, pelabuhan, stesen teksi dan stesen keretapi;
4. Laluan keretapi (KTM Komuter, ETS, ERL, MRT, LRT dan Monorail dan sebagainya);

5. Pusat-pusat membeli-belah;
6. Tempat-tempat hiburan;
7. Tempat berlangsung acara/majlis berskala besar seperti stadium, dataran, dewan dan sebagainya;



8. Hotel-hotel dan restoran;
9. Institusi pendidikan;
10. Taman-taman awam;
11. Sekolah-sekolah antarabangsa;
12. Premis syarikat-syarikat penerbangan asing; dan
13. Pejabat Perwakilan Diplomatik Malaysia di negara-negara lain dan Pejabat Perwakilan Diplomatik negara-negara lain di Malaysia.